

## Rencana

# Usah 'beri muka' pihak cabar keluhuran Perlembagaan

Dalam sejarah perkembangan Perlembagaan di negara ini, berlaku peristiwa menguji kesetiaan rakyat dan warga mendiami Tanah Melayu kepada watan tanah air ini. Peristiwa itu ialah pengenalan Malayan Union pada 1 April 1946.

Gabenor dan sistem kerajaan Persekutuan dikuatkuasakan melalui Malayan Union Order in Council pada 1946, bermatlamatkan sebagai kerajaan interim. Malayan Union tidak bertujuan menjajah Tanah Melayu kerana British komited dengan Piagam Atlantik 1945.

Tujuan British adalah untuk memimpin perkembangan Perlembagaan yang akan memberikan hak sama rata kepada rakyat Raja Melayu sebagai bangsa asal dengan rakyat British mendiami Negeri-Negeri Selat dan kaum migran di Tanah Melayu. British dilihat cuba mengukuhkan sistem politik tradisional menetapkan kedaulatan Tanah Melayu pada Raja-Raja Melayu kepada prinsip baharu, iaitu kedaulatan pada rakyat pelbagai keturunan yang akhirnya menjadikan Raja-Raja Melayu berkedudukan seperti Raja England dalam kerangka Westminster.

Jika orang Melayu dan Raja-Raja Melayu tidak bertindak tegas dan berani menentang Malayan Union, sistem politik Tanah Melayu akan terdedah kepada beberapa senario.

Pertama, jawatan gabenor akan diambil alih seorang Raja. Dari sisi lain tidak mustahil seorang pemimpin politik dipilih rakyat akan menjadi ketua utama Persekutuan, manakala hanya kerajaan negeri Melayu diperintah Raja atas nasihat ketua dipilih rakyat.

Kedua, kuasa Pusat menjadi terlalu luas dan Raja-Raja hanya bersifat simbolik sebagai ketua agama, malah ajaran Islam dalam kerangka undang-undang hanya aspek *Muslim personal law*. Ketiga, Tanah Melayu dan akhirnya Malaysia menjadi *union* yang menjelakan identiti negara tunggal, bukanlah Persekutuan seperti hari ini.

Keempat, kedudukan Islam sebagai prinsip kedaulatan Tanah Melayu dan hak orang Islam untuk mengagalkan kebebasan beragama akan tercabar kerana ruang prerogatif Raja-Raja disempitkan.

Kelima, tiada hak keistimewaan bangsa asal, malah kepentingan sah kaum mendiami Tanah Melayu juga tercabar akibat percaturan ahli politik mungkin tunduk kepada desakan pihak minoriti dan antarabangsa.

Keenam, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, termasuk tulisan Jawi akan terancam apabila la-

nyan sama rata diberikan kepada semua etnik baru diterima masuk sebagai warganegara.

Orang Melayu yang juga umat Islam dapat menjangkakan implikasi buruk akibat daripada pengenalan Malayan Union.

Justeru, sistem kerajaan Pusat yang diperkenalkan melalui Malayan Union ditentang besar-besaran di seluruh Tanah Melayu sehingga orang Melayu bersedia menumpahkan darah berjuang bagi mempertahankan watan Tanah Melayu, iaitu Islam, institusi Raja, bahasa dan kedudukan orang Melayu.

Bagi menenangkan penentangan Raja-Raja dan orang Melayu terhadap Malayan Union, kerajaan interim berbentuk Persekutuan ditubuhkan dengan perkenan Raja-Raja Melayu (Negeri Sembilan ditandatangani Yang di-Pertuan Besar dan Pembesar Mementah) melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Januari 1948.

Kerajaan interim bagi Persekutuan Tanah Melayu bermula 1948 hingga 1957. Sistem Persekutuan ini lebih menjunjung prinsip kedaulatan sedia ada di Tanah Melayu kerana undang-undang tubuh kerajaan negeri terus dikekalkan, malah digubal dalam bentuk moden. Kedaulatan Raja diakui terus terpelihara bersama unsur watan lain.

Hasil perjuangan watan rakyat dan kebijaksanaan Raja-Raja, sistem politik tradisional Melayu dapat dilestarikan dengan penyusunan perlu seperti terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 5 Ogos 1957.

Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tertinggi Malaysia yang menjadi testimoni kelestarian Islam sebagai prinsip kedaulatan negara dan kedudukan adat Melayu terpelihara, di samping penerimaan adat anak negeri dalam kerangka undang-undang.

Dalam kerangka adat Melayu itulah, tertegaknya sistem beraja dalam pemerintahan di Tanah Melayu sejak zaman-berzaman.

Sejarah membuktikan dalam kesopanan dan ketegasan orang Melayu sebagai majoriti rakyat Malaysia, ada batasan toleransi seperti berlaku dalam peristiwa penentangan terhadap Malayan Union.

Selepas 64 tahun merdeka, ternyata toleransi diberikan kepada pegangan watan tidak membuahkan hasil baik dalam pembinaan negara bangsa. Polisi liberal kerajaan lebih mengutamakan malapetaka sehingga tercetus Peristiwa 13 Mei.

Tidak seperti Indonesia dan Thailand, mereka menguatkuasakan polisi asimilasi watan kelihatan lebih berjaya membina negara bangsa. Iktibarnya, asimilasi setiap warganegara Malaysia pada watan tanah air tidak boleh diabaikan lagi jika keharmonian antara kaum dan kesentosaan negara ingin dipupuk.

Asimilasi dituntut di sini ialah bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai

jati diri melapasi perbezaan etnik, di samping akomodasi dengan adat tempatan.

Peristiwa bertarikh 13 Mei akhirnya mencetuskan Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan mendokong sistem Perkembangan Persekutuan.

Mereka yang mengaku warganegara dan bangsa Malaysia wajib percaya kepada Tuhan, kesetiaan kepada Raja dan negara, kedaulatan undang-undang, keluhuran Perlembagaan serta kesopanan dan kesetiiaan.

Mereka menumpahkan kesetiaan kepada prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan, ialah anak watan Malaysia tanpa dibatasi anutan agama, keturunan serta pangkat kedudukan.

Malangnya, sejak 10 tahun kebelakangan ini berlaku insiden hampir semua unsur watan dicabar pihak tidak bertanggungjawab.

Mutakhir ini, kelihatan seolah-olah ada gerakan terancang untuk mencabul kemuliaan agama dan amalan ajaran Islam. Semua pihak perlu akur Islam ialah agama Persekutuan dan hak beragama bagi orang Islam mempunyai ketertinggian dijamin secara sah oleh Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan juga menjamin hak kebebasan beragama selain Islam selagi tidak menjejaskan prinsip moral, kesihatan dan ketenteraman awam serta mendakwah orang Islam.

Prinsip Kesegaraan Persekutuan Tanah Melayu seperti dijelaskan itu ialah struktur asas kepada Malaysia yang tidak lahir tanpa asas dan pegangan kukuh. Ia terposak dalam jiwa dan sanubari membina sensitiviti anak watan. Api sungguhpun kecil tetapi jika diperkikan pada gunung sekam kering ketika cuaca panas boleh mengandungi musibah besar. Ingatlah pesanan orang-orang tua, 'jangan suka bermain dengan api kelak binasa.'

Aktiviti mengganggu gupat unsur watan tanah air ini perlu dihentikan segera. Pihak yang terus-menerus mencabar nilai dan tatacara hidup atau adat di negara ini perlu dikenakan tindakan tegas.

Pencabulan kepada nilai watan seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan perlu dianggap sebagai musuh kepada kesejahteraan hidup anak watan.

Kerajaan perlu bertegas dan berpihak kepada kedaulatan undang-undang serta keluhuran Perlembagaan.

Kerajaan menguatkuasakan undang-undang dengan penuh keadilan berlandaskan prinsip undang-undang tidak perlu gusar dengan sokongan kerans majoriti rakyat Malaysia masih berpegang pada watan tanah air ini. Anak watan akan bersatu padu mendokong kerajaan memelihara kewatannya.

**Penulis adalah** Pengarah Institut Tamadun dan Kajian Strategik, Universiti Malaysia Pahang



**Prof Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain**

**Mereka menumpahkan kesetiaan kepada prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan, ialah anak watan Malaysia tanpa dibatasi anutan agama, keturunan serta pangkat kedudukan.**

